



Rossilawaty bersama ibu dan keluarga pada Konvokesyen UPM Ke-42, di Serdang baru-baru ini.

Keluarga sumber kekuatan Rossilawaty genggam PhD

Galas tugas di rumah, pejabat bukan halangan tamat pengajian lapan tahun

Oleh Saufi Hamzah
sofeeham@NSTP.com.my

Kuala Lumpur

Menggalas tugas di rumah dan pejabat tidak menghalang hasrat Dr Rossilawaty Sheriff, 55, meneruskan pengajian ke peringkat ijazah doktor falsafah (PhD).

Beliau yang kini bertugas sebagai Ketua Bahagian Pentadbiran Am, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), berkata beliau menghabiskan masa lapan tahun untuk menamatkan pengajian peringkat tertinggi itu.

Katanya, tempoh agak lama memandangkan dia harus memikul tanggungjawab sebagai isteri, ibu, pekerja dan pensyarah sambilan ketika bergelar pelajar.

"Pada awal pengajian, anak bongsu bersekolah rendah se-

hingga memasuki universiti ketika ini," katanya yang menyampaikan tesis bertajuk *Pengaruh Penerimaan Pesanan Khidmat Awam Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Hubungan antara Penglibatan Ego dan Kesannya Terhadap Penunggang Motosikal*.

Berkongsi perasaan selepas menggenggam PhD Komunikasi Massa, Rossilawaty berkata, sejurnya beliau lega dan puas dengan pencapaian itu.

Tak berputus asa

Katanya, sukar digambarkan dengan kata-kata, bersyukur atas kurniaan ini. 'Puas' kerana sudah mengharungi segala cabaran dengan usaha sendiri.

"Keluarga adalah kekuatan mendapatkan ijazah tertinggi ini. Tanpa sokongan mereka mungkin tidak sampai ke tahap ini. Anak juga sentiasa memberikan semangat."

"Bangga dengan sokongan ibu, Che Wah Mohamed Shah yang sentiasa mendoakan, solat hajat untuk saya tanpa henti."

"Mereka tahu saya tidak mengalah dan berputus asa. Seronok bila kami belajar bersama-sama. Anak turut membantu mengedarkan borang soal selidik ketika saya mula menjalankan penyelidikan tesis," katanya tidak ketinggalan merakamkan kejayaannya kepada arwah ayah, Sheriff Hassim.



Mereka tahu saya tidak mengalah dan berputus asa. Seronok bila kami belajar bersama-sama. Anak turut membantu mengedarkan borang soal selidik ketika saya mula menjalankan penyelidikan tesis"

Rossilawaty Sheriff,
Ketua Bahagian
Pentadbiran Am, DBP

Biarpun insan penting itu sudah tiada, dirinya sentiasa ingat pesan arwah supaya belajar sehingga ke peringkat tertinggi.

"Arwah ayah sentiasa berpesan kepada saya untuk belajar ke peringkat tertinggi. Ketika itu saya baru memiliki ijazah sajian muda."

"Kini saya lega kerana dapat menunaikan hasrat ayah pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-42, baru-baru ini."

Capai impian ayah
Rossilawaty berkata, ketika namanya diumumkan menerima transkrip ijazah pada konvokesyen itu, perasaannya bercampur baur, gembira dan sedih.

"Saya menitiskan air mata gembira kerana impian ayah terlaksana dan sedih kerana tidak dapat berkongsi kejayaan bersama beliau yang sudah meninggalkan kami," katanya.

Mengenai rancangan selepas ini, beliau berhasrat memberikan komitmen lebih baik kepada organisasi tempatnya bertugas supaya apa diperoleh dapat disumbangkan kembali untuk dimanfaatkan bersama.

Selain itu, dia juga akan meneruskan tugas sebagai pensyarah sambilan di Universiti Utara Malaysia dan berharap dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih baik.